

Jilid I  
Bil. 2



Hari Selasa  
17hb Disember, 1974

## LAPURAN PERSIDANGAN OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT  
*FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG*

PENGGAL YANG PERTAMA  
*First Session*

MESYUARAT YANG KEDUA  
*Second Meeting*



Jilid I  
Bil. 2



Hari Selasa  
17hb Disember, 1974

**LAPURAN PERSIDANGAN**  
OFFICIAL REPORT

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG**  
**YANG KEEMPAT**

*FOURTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG*

**PENGGAL YANG PERTAMA**  
*First Session*

**MESYUARAT YANG KEDUA**  
*Second Meeting*

**KANDUNGANNYA**

- (A) USUL OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI [96]
- (B) USUL OLEH Y.B. ENCIK KHALID AHMAD BIN SULAIMAN [122]
- (C) USUL OLEH Y.B. DATUK TEH EWE LIM DAN
- (D) USUL OLEH Y.B. ENCIK ONG YI HOW [123]

PULAU PINANG

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEEMPAT

*Laporan Persidangan*

PENGGAL YANG PERTAMA

MESYUARAT YANG KEDUA

---

Hari Selasa, 17hb Disember, 1974

---

HAZIR :

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Datuk Harun bin Sirat, D.M.P.N.)  
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr Lim Chong Eu)  
Yang Berhormat Penasihat Undang-undang (Encik Mohd. Noor bin Ahmad, P.U.P.)  
Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim, D.M.P.N.)  
" " Kawasan Bertam (Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah, A.M.N., J.P.)  
" " Kawasan Kampung Kolam (Encik Khoo Kay Por, J.P.)  
" " Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman, A.M.N., P.J.K.)  
" " Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah, J.P.)  
" " Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)  
" " Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong, A.M.N.)  
" " Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng *alias* Khor Gark Kim)  
" " Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh *alias* Mat Noor, P.J.K.)  
" " Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.M.N.)  
" " Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)  
" " Kawasan Paya Terubong (Encik Khoo Teng Chye)  
" " Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh)  
" " Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed, P.P.N.)  
" " Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak, P.P.N.)  
" " Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah)  
" " Kawasan Sungai Nibong (Dr Choong Sim Poey)  
" " Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.)  
" " Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsuddin *alias* Md. Noor bin Ahmad)  
" " Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)  
" " Kawasan Macang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)  
" " Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan *alias* Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)  
" " Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How)  
" " Kawasan Pengkalan Kota (Encik C. Y. Choy)

TIDAK HAZIR :

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)

TURUT HAZIR :

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Lee Thin Pee, P.J.K., P.T.N.)

*Dewan bersidang semula pada jam 9.31 pagi.*

DOA.

## 5. USUL-USUL.

## (A) Usul oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan "Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak \$37,665,196 yang tertunjuk di dalam Anggaran Pembangunan, 1975 yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bil. 11 tahun 1974 dan menetapkan bahawa jumlah wang tersebut hendaklah dipergunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan, 1975 itu."

Datuk Speaker, Usul ini bertujuan meminta kuasa Dewan Undangan Negeri bagi membelanjakan sejumlah \$37,665,196 untuk projek-projek pembangunan dan perkhidmatan-perkhidmatan dalam tahun 1975. Butir-butir mengenai anggaran-anggaran ini adalah diperturunkan dalam Risalah Bil. 11. Usul ini ialah untuk menepati kehendak-kehendak undang-undang seperti yang tersyarat dalam Seksyen 4 (1) Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966 seperti yang dijadikan terpakai pada Negeri Pulau Pinang oleh Seksyen 9 Akta yang sama.

Semasa saya membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan di dalam Dewan ini, saya telah menyatakan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mendapat gambaran sepenuhnya mengenai lingkungan dan jarak belanjawan 1975 jika Ahli-ahli Yang Berhormat mengkaji belanja-belanja penyelenggaraan yang baru kita luluskan itu, bersama-sama dengan Anggaran Pembangunan yang saya bentangkan sekarang.

Perbelanjaan yang dicadangkan sebanyak \$37,665,196 untuk maksud pembangunan akan dibiayai dari punca-

punca yang tertunjuk di muka 189 Risalah Bil. 11. Adalah nyata bahawa dari jumlah ini, sebanyak \$22,185,000 akan dibiayai dengan wang pinjaman dari Kerajaan Persekutuan. Baki perbelanjaan ini yang berjumlah sebanyak \$15,480,196 ialah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri sendiri.

Seterusnya, Ahli-ahli Yang Berhormat tentu ingat bahawa semasa saya membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan, saya telah memberitahu Dewan ini bahawa adalah menjadi pendapat am ahli-ahli ekonomi iaitu tahun depan akan merupakan suatu tahun kewangan yang penting dan bahawa keadaan kemerosotan sedunia akibat dari kecenderungan-kecenderungan inflasi kewangan antarabangsa akan mengwujudkan batasan-batasan yang hebat terhadap perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan. Sungguhpun demikian, Kerajaan berazam terus mengamalkan prinsip-prinsip Dasar Ekonomi Baru di dalam Negeri Pulau Pinang. Juga, memandangkan kepada ketegangan kewangan yang mungkin berlaku dalam tempoh 12 bulan yang akan datang, Kerajaan Negeri akan memasukkan jumlah perbelanjaan pembangunan yang besar ini ke dalam ekonomi Negeri demi menjamin iaitu kemajuan sosial dan ekonomi yang telah berlaku di Negeri ini akan terus berkembang.

Ahli-ahli Yang Berhormat harus sedar bahawa peruntukan Anggaran Pembangunan 1975 menunjukkan kenaikan 7.02 peratus, yakni \$2,473,813 dibandingkan dengan perbelanjaan pembangunan bagi 1974. Bagaimanapun, Anggaran Pembangunan 1975 ini melibatkan kurangan sebanyak \$3,719,547.

Sebelum saya mengulaskan butiran-butiran pembangunan yang utama yang terkandung di dalam Anggaran Pembangunan, saya ingin menjelaskan bahawa adalah menjadi pendapat Kerajaan bahawa cara yang paling baik bagi Negeri ini menemui keadaan stagflasi dan kemungkinan rosotiflasi ialah de-

ngan merancangkan belanjawan lebih bagi belanja-belanja penyelenggaraan. Ini dapat menolong menyekatkan kenaikan harga serta memesatkan pembangunan, khususnya dalam projek-projek makanan, perumahan dan pengeluaran hasil. Oleh yang demikian, belanjawan kurangan bagi perbelanjaan pembangunan ini bertujuan memberikan kita daya penyesuaian di dalam urusan-urusan kewangan pada tahun depan. Ini pula akan menambahkan kekukuhan Baki Hasil Am yang telah saya sebutkan lebih awal dahulu. Meskipun demikian, dalam merancangkan perbelanjaan pembangunan kita bagi sesuatu tahun, Kerajaan mestilah sentiasa mengkaji punca-punca wang bagi membiayai usaha pembangunan tanpa mengharap-kan Baki Hasil Am kita.

Jika dikaji anggaran perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1974 dengan lebih mendalam, Ahli-ahli Yang Berhormat akan mendapati iaitu peruntukan Negeri sebanyak \$15,480,196 itu merupakan kenaikan sekadar 55.16 peratus dibandingkan dengan perbelanjaan pembangunan Negeri yang dikaji semula bagi tahun ini. Jumlah \$5,503,603 yang disediakan sebagai peruntukan langsung Negeri, dengan jelasnya menyokong keazaman Kerajaan hendak menguatkan lagi perkembangan ekonomi di Negeri Pulau Pinang kerana ia-nya berasaskan belanjawan yang kukuh dan tertentu yang telah kita luluskan bagi tahun 1975.

Perkara perbelanjaan utama di dalam Anggaran Pembangunan yang dicadangkan berjumlah sebanyak \$19,341,000 yang telah dikhaskan sebagai pinjaman-pinjaman kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Jumlah perbelanjaan ini akan disalurkan terhadap pelaksanaan projek-projek berikut:

- (i) Kompleks perdagangan dan pembangunan di Bagan Serai;
- (ii) Kajian menebusguna tanah—penting di Tanjung Tokong;
- (iii) Pengambilan tanah perindustrian; dan
- (iv) Pembangunan tanah.

Datuk Yang Dipertua, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri telah

menunjukkan sikap yang terpuji dalam urusan-urusannya berkaitan dengan pengambilan tanah dan penempatan semula setinggan-setinggan. Dalam proses pemajuan tanah, selain dari belanja sebenarnya bagi pengambilan tanah, Kerajaan Negeri tidak lupa menyediakan peruntukan bagi perbelanjaan untuk tujuan menyelesaikan masalah-masalah setinggan, mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial, termasuklah perumahan untuk golongan berpendapatan kecil, serta menambahkan peluang-peluang pekerjaan menerusi perkembangan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Tempatan.

Dasar Kerajaan Negeri berkenaan dengan penempatan semula setinggan-setinggan telah berturut-turut kali dinyat-kan dengan seberapa jelasnya di dalam Dewan ini. Adalah sentiasa menjadi tujuan Kerajaan Negeri untuk mengelakkan dari menyusahkan penduduk-penduduk yang terlibat dalam rancangan-rancangan pembangunan. Kita sedar iaitu rancangan-rancangan pembangunan boleh mendatangkan sedikit-sebanyak gangguan dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih kepada seluruh rakyat Negeri kita di atas sokongan penuh mereka kepada Kerajaan dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan kita. Sokongan penuh terhadap projek-projek pembangunan di dalam Negeri Pulau Pinang telah dibuktikan dengan nyatanya oleh *mandate* ter- banyak yang telah diberi kepada Barisan Nasional oleh rakyat kita dalam pilihan- raya yang lepas.

Dasar Kerajaan Negeri tentang penempatan semula setinggan-setinggan memastikan bahawa pemindahan setinggan-setinggan daripada sesuatu tempat yang terlibat akan dilakukan dengan suatu cara di mana mereka-mereka yang terlibat akan dapat mata pencarian yang sesuai dan hidup dalam keadaan ber- satupadu di tempat baru di mana mereka ditempatkan semula. Adalah di- anggarakan bahawa dalam masa dua tahun yang lepas, peruntukan wang yang diperlukan untuk rancangan sosial yang kompleks seperti penempatan se- mula setinggan-setinggan terlibat dalam projek-projek pembangunan telah me-

ngan merancangkan belanjawan lebih bagi belanja-belanja penyelenggaraan. Ini dapat menolong penyekatkan kenaikan harga serta memesatkan pembangunan, khususnya dalam projek-projek makanan, perumahan dan pengeluaran hasil. Oleh yang demikian, belanjawan kurangan bagi perbelanjaan pembangunan ini bertujuan memberikan kita daya penyesuaian di dalam urusan-urusan kewangan pada tahun depan. Ini pula akan menambahkan kekukuhan Baki Hasil Am yang telah saya sebutkan lebih awal dahulu. Meskipun demikian, dalam merancangkan perbelanjaan pembangunan kita bagi sesuatu tahun, Kerajaan mestilah sentiasa mengkaji punca-punca wang bagi membiayai usaha pembangunan tanpa mengharap-kan Baki Hasil Am kita.

Jika dikaji anggaran perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1974 dengan lebih mendalam, Ahli-ahli Yang Berhormat akan mendapati iaitu peruntukan Negeri sebanyak \$15,480,196 itu merupakan kenaikan sekadar 55.16 peratus dibandingkan dengan perbelanjaan pembangunan Negeri yang dikaji semula bagi tahun ini. Jumlah \$5,503,603 yang disediakan sebagai peruntukan langsung Negeri, dengan jelasnya menyokong keazaman Kerajaan hendak menguatkan lagi perkembangan ekonomi di Negeri Pulau Pinang kerana ia-nya berasaskan belanjawan yang kukuh dan tertentu yang telah kita luluskan bagi tahun 1975.

Perkara perbelanjaan utama di dalam Anggaran Pembangunan yang dicadangkan berjumlah sebanyak \$19,341,000 yang telah dikhaskan sebagai pinjaman-pinjaman kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Jumlah perbelanjaan ini akan disalurkan terhadap pelaksanaan projek-projek berikut:

- (i) Kompleks perdagangan dan pembangunan di Bagan Serai;
- (ii) Kajian menebusguna tanah—penting di Tanjong Tokong;
- (iii) Pengambilan tanah perindustrian; dan
- (iv) Pembangunan tanah.

Datuk Yang Dipertua, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Negeri telah

menunjukkan sikap yang terpuji dalam urusan-urusannya berkaitan dengan pengambilan tanah dan penempatan semula setinggian-setinggian. Dalam proses pemajuan tanah, selain dari belanja sebenarnya bagi pengambilan tanah, Kerajaan Negeri tidak lupa menyediakan peruntukan bagi perbelanjaan untuk tujuan menyelesaikan masaalah-masaalah setinggian, mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan infrastruktur, kemudahan-kemudahan awam dan sosial, termasuklah perumahan untuk golongan berpendapatan kecil, serta menambahkan peluang-peluang pekerjaan menerusi perkembangan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Tempatan.

Dasar Kerajaan Negeri berkenaan dengan penempatan semula setinggian-setinggian telah berturut-turut kali dinyatakan dengan seberapa jelasnya di dalam Dewan ini. Adalah sentiasa menjadi tujuan Kerajaan Negeri untuk mengelakkan dari menyusahkan penduduk-penduduk yang terlibat dalam rancangan-rancangan pembangunan. Kita sedar iaitu rancangan-rancangan pembangunan boleh mendatangkan sedikit-sebanyak gangguan dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terimakasih kepada seluruh rakyat Negeri kita di atas sokongan penuh mereka kepada Kerajaan dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan kita. Sokongan penuh terhadap projek-projek pembangunan di dalam Negeri Pulau Pinang telah dibuktikan dengan nyatanya oleh *mandate* terbanyak yang telah diberi kepada Barisan Nasional oleh rakyat kita dalam pilihan-raja yang lepas.

Dasar Kerajaan Negeri tentang penempatan semula setinggian-setinggian memastikan bahawa pemindahan setinggian-setinggian daripada sesuatu tempat yang terlibat akan dilakukan dengan suatu cara di mana mereka-mereka yang terlibat akan dapat mata pencarian yang sesuai dan hidup dalam keadaan bersatupadu di tempat baru di mana mereka ditempatkan semula. Adalah di-anggarkan bahawa dalam masa dua tahun yang lepas, peruntukan wang yang diperlukan untuk rancangan sosial yang kompleks seperti penempatan semula setinggian-setinggian terlibat dalam projek-projek pembangunan telah me-

nambah satu faktor kos purata sebanyak sekurang-kurangnya \$15,000 bagi satu keluarga. Tetapi, walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengikut polisi ini dalam penempatan semula setinggan dengan tegoh dan teguran-teguran lancang yang telah dibuat dalam Dewan ini di sidang-sidangnya yang lalu, apabila Kerajaan mula melancarkan projek-projek pembangunannya, telah sama sekali dilenyapkan oleh orangramai sendiri sebab mereka faham bahawa usaha-usaha pihak Pentadbiran Negeri dalam penempatan semula telah dijalankan dengan adil dan adalah bertujuan untuk kemajuan ekonomi dan masyarakat kita.

Namun demikian, adalah penting untuk kita semua memahami bahawa diwaktu-waktu kenaikan harga yang disebabkan oleh inflasi yang diimpot ini, Kerajaan mesti bertindak tegas mengikut undang-undang untuk mengelakkan sebarang opportunist-opportunist yang sentiasa berkehendakkan pampasan perseorangan berlebihan atau mereka-mereka yang sentiasa ingin mengkhianati usaha-usaha pembangunan kita untuk tujuan politik mereka yang buruk daripada mengambil kesempatan.

Datuk Yang Dipertua, banyak telah dikatakan di dalam Dewan ini tentang perlunya Kerajaan mengambil daya utama dalam mendirikan lebih banyak rumah untuk rakyat kita. Dalam rancangan-rancangan sosio-ekonomi Kerajaan Negeri, strategi pembangunan kita yang berasaskan Dasar Ekonomi Baru, berkehendakkan rancangan-rancangan perindustrian desa (rural industrialization) diberi keutamaan yang lebih daripada perbandaran desa (rural urbanisation). Sebenarnya, strategi ini bertujuan untuk memberi pekerjaan kepada orang-orang kita supaya mereka dapat hidup dan seterusnya meninggikan lagi taraf pendapatan mereka supaya dapat memperolehi rumah mereka sendiri.

Saya telah memberitahu Dewan ini apabila saya membentangkan Anggaran Pembangunan 1974, bahawa Kerajaan telahpun mula melaksanakan rancangan-rancangan membandarkan kawasan-kawasan luar bandar. Pada sebahagian

besar rancangan-rancangan perumahan ini akan dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Tujuannya ialah untuk menepatkan keperluan 50,000 yunit rumah menjelang 1985 iaitu sepertimana yang telah dianggarkan oleh Perunding Plan Induk. Tetapi selain daripada rancangan-rancangan perumahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Kerajaan Negeri juga akan mengambil daya utama untuk mengadakan rancangan-rancangan perumahan murah di dalam Negeri dengan bantuan Kementerian Perumahan. Peruntukan sebanyak \$2,844,000 akan memulakan rancangan-perumahan Kerajaan Negeri iaitu untuk 1,670 yunit rumah di Kampong Melayu (phase 4), Kuala Muda dan Taman Free School, bagi tahun hadapan.

Datuk Yang Dipertua, memandangkan kenaikan harga-harga bahan binaan sekarang, terdapat kesukaran dalam melaksanakan projek-projek ini. Walaubagaimanapun, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat semua akan faham bahawa masalah kewangan untuk membiayai projek-projek perumahan kita bukan sahaja melibatkan masalah mencari sumber wang untuk pembinaan tetapi juga masalah untuk memastikan sumber kewangan yang cukup untuk mereka-mereka yang bercadang hendak membeli atau menyewa rumah-rumah yang akan dibina itu.

Datuk Yang Dipertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dalam lawatan saya ke Australia Selatan baru-baru ini, kemajuan selanjutnya telah dibuat demi mengukuhkan lagi tali persahabatan yang baik di antara Adelaide dengan Georgetown dan di antara Australia Selatan dengan Pulau Pinang. Di antara perkara-perkara yang dibincangkan, adalah dipersetujui pada dasarnya bahawa Australia Selatan akan mengambil bahagian dalam satu projek usaha bersama dengan Negeri kita bersama-sama dengan sektor swasta dan PERNAS bagi memperindustrikan perumahan. Adalah dijangka bahawa usaha bersama ini akan menghasilkan satu faedah yang akan menguntungkan rakyat di kedua-dua Negeri.

Pada masa sekarang, Kerajaan Negeri sedang menjalankan satu kajian yang teliti dan menyusun semula sistem pengurusan semua rancangan-rancangan rumah Kerajaan. Pada hari ini, perkataan "perumahan murah" telah menjadi kurang sesuai di setengah-setengah tempat. Hinggalah sistem pemilihan orang-orang yang difikirkan perlu supaya dapat diterima bagi rancangan perumahan murah di dalam Negeri, yang telah ditetapkan di tahun-tahun ke belakang ini telah tertakluk kepada beberapa kesalah-gunaan. Kesalah-gunaan ini akan hanya dapat diselesaikan dengan kerjasama yang rapat di antara mereka-mereka yang telah menerima keistimewaan bantuan Kerajaan dan Pihak-pihak Berkuasa yang berkenaan. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa walaupun terdapat semakin banyak kereta persendirian yang dimiliki oleh mereka yang tinggal di Komplek-komplek perumahan murah Kerajaan, tunggakan-tunggakan lama dalam bayaran sewa, atau ansuran telah meningkat kepada \$790,153.20.

Pada awalnya saya telah merujuk kepada kedua-dua butir-butir perbelanjaan yang penting ini oleh kerana perkara-perkara perbelanjaan ini akan berjumlah \$22,185,000 daripada anggaran pembangunan yang perlu diperuntukkan dengan pinjaman. Pada masa sekarang Kerajaan Negeri sedang membuat rundingan-rundingan akhir dengan Kerajaan Pusat untuk mencari jalan bagi mendapat sumber-sumber pinjaman ini. Kita bolehlah membuat jangkaan dengan penuh yakin bahawa pada awal tahun 1975, kita akan dapat menyelesaikan masalah ini dengan memuaskan. Malah kejayaan kita dalam melaksanakan perbelanjaan pembangunan untuk tahun 1974 telah terhad oleh sumber-sumber pinjaman yang tidak mencukupi.

Datuk Yang Dipertua, di sini saya ingin mengambil sedikit masa Dewan ini untuk menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan Negeri telah dijalankan, terutamanya oleh Kerajaan Negeri, walaupun pada hari ini rancangan-rancangan ini telah diperkuatkan dengan penu-

buhan Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang memberi perkhidmatan sebagai agensi serbaguna untuk pembangunan di dalam Negeri ini. Di samping itu, Jabatan Perancang dan Kawalan Pembangunan Negeri menyelenggarakan projek-projek pembangunan anjuran Kerajaan Negeri dengan projek-projek Kerajaan Pusat dan juga kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan yang baharu.

Saya menggesa Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memahami peranan-peranan yang tertentu yang dimainkan oleh Pentadbiran Negeri khasnya Jabatan Kerja Raya dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan di Pulau Pinang. Di samping itu adalah juga menjadi dasar utama Kerajaan bahawa Kerajaan Negeri, samada sendirinya ataupun melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, akan memberi sumber-sumber yang perlu untuk menggalakkan kemajuan sosio-ekonomi dalam Negeri kita. Namun demikian, Kerajaan telah sentiasa menggalak kerjasama yang rapat di antara orang-orang ramai dengan sektor-sektor swasta untuk memberi perkembangan yang besar bagi keseluruhan ekonomi dalam Pulau Pinang.

Pada beberapa tahun yang lalu, usaha-usaha Kerajaan telah ditumpukan terhadap meninggikan kecekapan pentadbirannya, terutama sekali terhadap pentadbiran tanah di dalam Negeri. Pada amnya, ini telah membawa meninggikan taraf kecekapan pentadbiran tanah. Jumlah bilangan hakmilik-hakmilik yang telah dikeluarkan mengikut Kanun Tanah Negara yang dari tahun 1966 hingga tahun 1973 adalah lima ribu lapan ratus lima puluh satu. Ahli-ahli Yang Berhormat akan memerhatikan perkembangan yang menggalakkan dalam pentadbiran tanah apabila mereka mengetahui bahawa bilangan hakmilik-hakmilik Kanun Tanah Negara yang telah dikeluarkan dalam sebelas bulan dalam tahun 1974 ini telah berjumlah empat ribu tiga ratus enam puluh lapan. Perkembangan ini di dalam pentadbiran tanah kita adalah lebih jelas lagi ditunjuk dengan pemeriksaan yang teliti terhadap rekod-rekod

yang lengkap bagi hakmilik-hakmilik Kanun Tanah Negara yang dikeluarkan bagi Negeri ini bagi tempoh 1hb Januari, 1966 hingga November, 1974.

Datuk Yang Dipertua, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah bagaimanapun bertanggungjawab terutamanya bagi memajukan penggunaan tanah-tanah yang diambil itu dengan lebih berkesan lagi, yangmana terutama sekali tanah-tanah untuk pembangunan perindustrian. Tugas-tugas Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah ditumpukan untuk menemui dasar-dasar sosio-ekonomi Negeri ini, yangmana telah ditumpukan pada beberapa tahun yang lalu kepada keperluan semata-mata untuk mewujudkan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan untuk sebilangan besar penganggur-penganggur di dalam Negeri kita; dan lagi untuk menentukan penyertaan Bumiputra yang lebih dalam bidang perniagaan dan perindustrian, dan untuk memajukan sebuah masyarakat yang bersatu-padu melalui usaha untuk memperbetulkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang di antara kawasan-kawasan desa dan kawasan-kawasan bandar. Oleh sebab pembangunan perindustrian kita telah ditumpukan kepada sebahagian besarnya kepada perusahaan-perusahaan yang bercorak 'exportorientated' yang menggunakan pekerja-pekerja yang banyak, Ahli-ahli Yang Berhormat akan menyedari bahawa kesan aliran-aliran inflasi dunia di atas ekonomi kita pada hari ini adalah satu yang amat *serious*. Bagaimanapun, Kerajaan telah bertindak dengan bersungguh-sungguh untuk menentukan bahawa perkembangan di dalam sektor perindustrian tidak akan berkurangan. Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelaras Mengenai Buruh dan Pekerjaan yang bersidang dua minggu sekali untuk memperhatikan keadaan pekerjaan dan untuk mengambil apa-apa tindakan untuk pembetulan di atas apa-apa yang perlu dibuat dengan sertamerta.

Datuk Yang Dipertua, pada masa sekarang kedudukannya ialah bahawa 1,021 pekerja telah dihentikan daripada dua belas buah kilang darimana 58 pekerja darinya telahpun mendapat pekerjaan lain. Bagaimanapun, 12 buah kilang baru telahpun menjalankan per-

usahaannya dan ini semua telah dapat mewujudkan 500 pekerjaan yang baru dalam Negeri. Adalah dijangkakan bahawa perkembangan kilang-kilang yang ada sekarang akan mewujudkan sebanyak 3,200 peluang pekerjaan lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat mestilah sedar tentang keperluan bagi kajian yang berterusan dan kajian semula dalam aspek yang amat *serious* ini bagi ekonomi kita pada hari ini. Kedudukan dalam Negeri Pulau Pinang bersabit dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan adalah suatu yang kukuh dan Negeri ini masih merupakan satu tempat yang amat menarik untuk pelaburan perindustrian dan lain-lain.

Walaubagaimanapun, kita mestilah berusaha bersungguh-sungguh lagi untuk mengekalkan kemajuan sosio-ekonomi yang telah berlaku di dalam Negeri ini dengan cara menggalakkan lebih banyak lagi usaha-usaha sama dengan pertubuhan-pertubuhan perindustrian luar negeri, lebih banyak lagi penyertaan tempatan dalam projek-projek perniagaan dan perindustrian, dan lebih banyak lagi perkembangan dalam pelancungan. Walaupun kita tidak boleh jangka mendapat kadar kemajuan yang serupa dalam dua tahun yang lalu, namun demikian, kita boleh menghadapi tahun 1975 dengan penuh keyakinan. Sesungguhnya pada hujung bulan September, 1974 jumlah pekerjaan dalam kilang-kilang di berbagai-bagai kawasan perindustrian yang ditubuhkan oleh Negeri ini telah meningkat 27,352. Ini menunjukkan bahawa bilangan pekerjaan telah bertambah sebanyak 3,795 atau 17 peratus dari bilangan yang terdapat pada hujung tahun 1973.

Datuk Yang Dipertua, pada masa ini rancangan-rancangan pembangunan Negeri adalah diarahkan terhadap usaha perbandaran dengan pembinaan bandar-bandar baru di Bayan Lepas dan Bagan Serai serta juga pemulihan Tanjong Tokong dan Pusat Bandaraya. Perhatian tegas juga dialihkan ke arah menggalakkan perusahaan-perusahaan yang memerlukan lebih banyak kemahiran-kemahiran teknik dari pekerja-pekerja serta yang lebih mementingkan permoldan daripada bilangan pekerja. Langkah mempelbagaikan rancangan pembangunan kita dan sektor perkilangan

adalah terbukti dengan barang-barang pengeluaran kilang-kilang baru, yang termasuk benda-benda permainan, coklat, benang, tali elastik, mangkuk kayu, boot getah, payung, rangka cermin mata, kamera, alat-alat pembedahan, mesin pengira, radio dan kapal-korek buatan besi. Unsur mustahak yang patut diambil perhatian ialah sebilangan besar kilang-kilang ini telah mula mementingkan penggunaan bahan-bahan mentah tempatan. Tambahan lagi, dengan terbunuhnya kilang-kilang kain, yang mana lapan buah telah berpengeluaran, tiga buah telah diluluskan dan dua buah lagi sedang dibina, di dalam segala kawasan perusahaan, besar kemungkinannya Pulau Pinang akan menjadi sebuah pusat pembukuan kain yang utama di wilayah ini. Kegiatan-kegiatan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang ini yang menampung rancangan pembangunan Kerajaan Negeri akan menjamin bertambah pesatnya perkembangan ekonomi kita pada tahun 1975.

Datuk Yang Dipertua, perbelanjaan yang dicadangkan bagi kedua-duanya Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Parit dan Taliair berjumlah sebanyak \$8,747,102 yakni 23.22 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1975. Jumlah \$4,696,691 yang telah diperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya akan digunakan utamanya bagi memperbaiki lagi perkhidmatan-perkhidmatan infrastruktur. Kerajaan Negeri bercadang membelanjakan sebanyak \$685,016 untuk memperbaiki sistem jalan-jalan yang ada sekarang. Pada ketika ini, peranan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan berhubung dengan Jabatan Kerja Raya berkenaan penyenggaraan dan pembaikan jalan-jalan yang ada sekarang ada kalanya mengelirukan orang ramai. Bekas Majlis Bandaraya telah diisytiharkan sebagai sebuah Pihak Berkuasa Jalanraya; akan tetapi semua kawasan-kawasan lain di luar sempadan bekas Majlis Bandaraya itu telah termasuk dalam bidang kuasa Jabatan Kerja Raya. Peranan Jabatan Kerja Raya dalam menyelenggara dan memperbaiki jalanpun mengelirukan juga kerana ia-nya bertanggungjawab bagi projek-projek jalanraya Kerajaan Pusat di samping projek-projek jalanraya Negeri dan

perbezaan ini tidak berapa diketahui umum. Keadaan ini telah bertambah buruk lagi apabila ramai pemaju-pemaju persendirian, yang wajib menyediakan jalan-jalan dan parit-parit mengikut kehendak Pesuruhjaya Tanah dan Galian Negeri menurut syarat-syarat Kanun Tanah Negara serta juga kehendak Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya dan kini Majlis-majlis Cantuman yang baru, tidak membina jalan-jalan itu mengikut taraf yang membolehkannya diambilalih oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan atau oleh Jabatan Kerja Raya bagi pihak Kerajaan Negeri.

Datuk Yang Dipertua, saya telahpun menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini kepada aspek tugas-tugas Jabatan Kerja Raya ini kerana Kerajaan Negeri memang sedar akan kesusahan yang perlu ditanggung oleh ramai pemilik-pemilik rumah khususnya di dalam rancangan-rancangan perumahan yang baru. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa semua mereka yang berhajat membeli rumah daripada pemaju-pemaju supaya memastikan dahulu iaitu segala peruntukan-peruntukan bagi perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, letrik dan khasnya jalan dan parit diliputi dengan sepenuhnya oleh perjanjian-perjanjian mereka dengan pemaju-pemaju yang berkenaan. Apa yang telah berlaku di masa yang lampau tidak harus diulangi di masa hadapan dan sungguhpun Kerajaan Negeri akan mengambil segala tindakan yang boleh demi membetulkan keadaan yang berkaitan dengan projek-projek yang telah terlari dari tinjauan Pesuruhjaya Tanah dan Galian di masa yang lampau, akan tetapi adalah mustahak bagi bakal pembeli rumah sendiri menyedari dan memahami kedudukan undang-undang kita pada masa sekarang.

Datuk Yang Dipertua, peruntukan sebanyak \$2,776,480 bagi pembinaan jalan-jalan baru akan mengambil kira belanja pengambilan tanah bagi jalan Relau/Balik Pulau. Kerajaan Negeri sentiasa berunding rapat dengan Kementerian Kerjaraya dan Tenaga dalam memperbaiki keadaan sistem jalanraya, khususnya di kawasan Bayan Lepas

yakni berkaitan dengan jalan-jalan menuju ke sambungan baru lapangan terbang serta jalan-jalan pencawang di hujung Jambatan Penghubung Pulau Pinang.

Keputusan mengenai Jalan Utama I Utara/Selatan Persekutuan di Seberang Perai kini sedang diselesaikan dan Kerajaan Negeri sedang bekerja rapat dengan Kementerian Kerjaraya dan Tenaga berkenaan dengan jalan-jalan pencawang di hujung Jambatan Penghubung Seberang Perai, serta juga berkenaan dengan penyatuan kedua-dua sistem utama bakal rangkaian jalan saling hubung ini dengan sistem Jalan Timur-Barat dari segi kemudahan-kemudahan pelabuhan di Butterworth.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar iaitu peruntukan-peruntukan bagi memperbaiki dan membina jalan hendaklah diselaraskan dengan pelan-pelan perhubungan jalan yang teratur pada keseluruhannya yang hanya dapat dicapai dengan kerjasama Kementerian Kerjaraya dan Tenaga. Ahli-ahli Yang Berhormat tentu juga menyedari iaitu kemudahan muatan barang-barang semakin dipesatkan dalam bidang perkapalan dan dengan itu, pembinaan jalan-jalan yang utama haruslah berpandukan polisi Kerajaan Pusat berhubung dengan pergerakan kapal-kapal muatan itu. Perancangan keseluruhannya bagi rangkaian-rangkaian jalan yang penting akan memerlukan kajian yang teliti kerana apabila ianya dilaksanakan kelak, ianya akan menjadikan Negeri Pulau Pinang pusat utama perkembangan bandar dan perindustrian di wilayah Malaysia Utara.

Datuk Yang Dipertua, bagi tahun 1975 sebanyak \$4,900,411 telah diperuntukkan kepada Jabatan Parit dan Taliair. Dari jumlah ini, \$2,801,021 telah dikhaskan untuk pelaksanaan Rancangan Ampangan Perai atau Perai Barrage. Jumlah ini meliputi utamanya belanja pengambilan tanah dan penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat dalam pemajuan baru ini serta belanja menjalankan kerja-kerja kejuruteraan awal pada tahun 1975. Rancangan ini dijangka siap menjelang tahun 1978 dan apabila siap kelak, ianya akan memperbaiki sistem taliair ke

kawasan-kawasan bendang yang sedia ada serta membuka lebih-kurang 2,000 ekar tanah baru untuk maksud pertanian. Projek ini akan memajukan sistem tanaman dua kali setahun di kawasan-kawasan bendang Seberang Perai. Juga, dengan siapnya Perai Barrage kelak, mungkin suatu tanaman jangka-pendek yang ketiga dapat ditambahkan demi meninggikan taraf hidup kaum petani di Negeri kita. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri menganggapkan ini sebagai sebuah rancangan pembangunan utama. Sebahagian penduduk di kawasan ini mungkin menghadapi sedikit-sebanyak kesusahan akibat dari pelaksanaan rancangan ini dan disebabkan kelengahan menyediakan sebuah titi tetap bagi menggantikan titi timbul yang lama di Permatang Pauh. Bagaimanapun, kami yakin bahawa penduduk-penduduk itu akan memberi sokongan yang sama terhadap dasar pembangunan Kerajaan seperti yang telah diberi oleh semua rakyat Negeri kita di masa yang lampau.

Datuk Yang Dipertua, peruntukan-peruntukan bagi Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Parit dan Taliair juga memberi perhatian kepada rancangan meredakan banjir bagi Sungai Jelutong dan Taman Brown serta pembiakan urusan-urusan kuari batu. Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memerhatikan bahawa Kuari Penanti telah mendaftarkan hasil yang lebih tinggi pada tahun yang lepas dan adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk membesarkan lagi keupayaan kuari-kuari di dalam Negeri ini bukan sahaja demi menambahkan perbekalan batu *granite* tetapi juga bagi mengawal harga batu *granite* di Negeri ini. Dengan itu, kecenderungan inflasi dalam sektor pembinaan bangunan akibat dari peningkatan harga bahan-bahan dapat diawasi.

Datuk Yang Dipertua, suka saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada cadangan membina sebuah Pejabat Daerah yang baru bagi Seberang Perai Selatan. Serba sedikit persepesisihan telah ditujukan terhadap perkara ini selama berbilang tahun. Akan tetapi keputusan Kerajaan hendak meneruskan rancangan ini akan mengambal ingatan sepenuhnya keperluan-

luan penduduk-penduduk di Nibong Tebal dan akan menyediakan bagi mereka segala perkhidmatan-perkhidmatan pentadbiran yang mereka kini boleh mendapati dengan mudahnya. Bagaimanapun, adalah dijangkakan bahawa pembinaan Pejabat Daerah baru itu se-rentak dengan penubuhan kawasan per-usahaan baru yang ketiga di situ akan memusatkan lagi kegiatan ekonomi bagi memfaedahkan penduduk-penduduk di Seberang Perai Selatan. Ini dapat dijayakan dengan siapnya rangkaian paip induk bekalan air ke Seberang Perai Selatan oleh Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang.

Ahli-ahli Yang Berhormat akan juga mengambil perhatian bahawa tugas-tugas Jabatan Tanah telahpun diasingkan daripada Pejabat Daerah. Oleh itu, Kerajaan terpaksa mengadakan peruntukan yang cukup untuk ruang pejabat bagi menemui pembangunan tambahan yang dijangkakan di Seberang Perai. Adalah diramalkan bahawa dengan adanya pembangunan di Seberang Perai Selatan ini bersekali dengan pembangunan yang sedang diusahakan di Pulau serta kemajuan perkhidmatan infrastruktur utama yang sedang berlaku di utara Sungai Perai dan di Kuala Muda, Seberang Perai akan menjadi berkembang dengan pesatnya dan ada kemungkinan melangkaui perkembangan perbandaran yang telah dimulakan di Pulau Pinang.

Datuk Yang Dipertua, di bawah Kepala 101, Ahli-ahli Yang Berhormat akan memerhatikan bahawa \$500,000 telah diperuntukkan bagi pemindahan Pusat Pemulihan Akhlak di Pulau Jerejak. Projek ini masih tertakluk kepada perundingan-perundingan terakhir dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Bagaimanapun, peruntukan ini akan dapat memulakan kerja-kerja pembinaan sebuah tambak untuk menghubungi Pulau Jerejak dengan Pulau Pinang. Ahli-ahli Yang Berhormat akan menghargai bahawa kesemua rancangan-rancangan pembangunan pada keseluruhannya di dalam Negeri ini melambangkan satu strategi pembangunan keseluruhan Negeri kita yang mana akan memberi faedah yang lebih kepada rakyat kita di merata Negeri

ini dan di setiap lapisan masyarakat. Ini memerlukan usaha besar dari pihak Kerajaan dan juga kesanggupan dan penglibatan sepenuhnya oleh rakyat dalam rancangan-rancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Sepertimana yang saya telah nyatakan pada permulaan ucapan saya, tujuan utama anggaran perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1975 ialah untuk mengekalkan kadar kemajuan sosio-ekonomi yang sudah terdapat di dalam Pulau Pinang serta juga untuk menentukan supaya apa-apa kesan buruk dari kemerosotan yang mungkin berlaku pada tahun depan akan memberi kesan yang minima sahaja kepada rakyat di dalam Negeri kita.

Saya telah cuma menyentuh butir-butir yang penting bagi perbelanjaan yang dicadangkan di dalam anggaran-anggaran ini. Bagaimanapun, jika diperiksa dengan telitinya, Ahli-ahli Yang Berhormat dapati bahawa Kerajaan Negeri telah memperkuatkan lagi rancangan-rancangan pembangunan kita di dalam sektor-sektor *agro-horticulture* dan ternakan di dalam Negeri kita, dan rancangan-rancangan pembangunan kita akan seterusnya mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti kumpulan-kumpulan belia dan Perkhidmatan Masyarakat dan Kampung kita, dan bahawa kita telah membuat peruntukan bagi kemajuan pelancungan yang lebih pesat lagi. Walaubagaimanapun, Datuk Yang Dipertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada peruntukan \$1.5 juta di bawah Kepala 101, Pecahan-Kepala 47—Projek khas dan latihan khas—yang mana merupakan satu Kepala perbelanjaan pembangunan yang baru bertujuan untuk memberi kita jalan yang terbesar di dalam kegiatan sosio-ekonomi kita.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussain telah menggesa rakyat kita supaya tampil ke hadapan dan menanam makanan yang lebih banyak lagi supaya dapat menghadapi kecenderungan inflasi dalam belanja hidup kita. Bagi menyambut tujuan-tujuan Buku Hijau itu, peruntukan-peruntukan telah dibuat di bawah Kepala Perbelanjaan yang baru

ini supaya peruntukan wang bagi sebarang rancangan yang mungkin diemukakan dalam dua belas bulan yang akan datang untuk memperbesarkan apa-apa aspek dari rancangan-rancangan pembangunan kita, terutamanya dalam menanam makanan yang lebih, boleh diperolehi.

Datuk Yang Dipertua, akhir kata, Ahli-ahli Yang Berhormat tentu faham bahawa sungguhpun kesempitan kewangan mungkin berlaku dalam tahun 1975, Kerajaan Negeri akan membuat segala usaha untuk mengekalkan kemajuan sosio-ekonomi dalam Negeri kita. Kita akan melaksanakan rancangan perindustrian desa, perbandaran desa, memperbagaikan *agro-horticulture* dan pembaharuan dan pemuliharaan bandar. Kita berhajat mencapai sebuah masyarakat yang bersatu-padu dan berharmoni di dalam Negeri kita. Kita berazam mewujudkan sebuah masyarakat yang adil dan saksama bagi rakyat kita di dalam Pulau Pinang. Kita penuh keazaman maju ke hadapan untuk mencapai satu Malaysia yang lebih bahagia lagi bagi semua orang. Ini memerlukan usaha-usaha yang besar dari pihak tiap-tiap Ahli Yang Berhormat yang telah dipilih oleh rakyat untuk memberi perkhidmatan kepada mereka. Saya yakin bahawa Ahli-ahli dalam Barisan Nasional akan memenuhi semua tanggungjawab-tanggungjawab mereka dengan sepenuhnya. Saya berharap bahawa pada masa kesempitan yang kita akan menghadapi ini, Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang akan bekerjasama serapat-rapatnya dengan Ahli-ahli di sebelah Kerajaan dalam Dewan ini untuk menentukan bahawa kualiti hidup di Pulau Pinang bukan sahaja akan dikekalkan akan tetapi akan terus dimajukan lagi.

Datuk Yang Dipertua, tahun 1975 akan menjadi tahun yang genting dan penuh cabaran bagi kita semua. Jika kita berdedikasi dengan tegasnya kepada tugas pembangunan negara, kita akan menguasai musuh-musuh yang berhajat melemah dan memecah-belahkan kita semua. Melalui perpaduan negara, kita akan mengekalkan satu masyarakat yang aman dan stabil. Kerajaan

Negeri akan memberi pentadbiran yang jujur dan cekap untuk mencapai aspirasi-aspirasi rakyat kita semua. Dengan kerjasama rapat di antara rakyat kita dengan Kerajaan Negeri, kita boleh mengatasi kesempitan-kesempitan kemerosotan dan deminya juga mencapai satu tahun yang berjaya lagi dengan kerjasama yang tetap di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, kita akan memajukan perkembangan Pulau Pinang dan menentukan satu Malaysia yang lebih bahagia bagi semua.

Datuk Yang Dipertua, saya mohon mengusul.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Datuk Speaker, saya suka menyokong Usul tersebut.

**Tuan Speaker:** Usul dibuka untuk dibahas.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Datuk Speaker, saya, dengan sukacitanya, mengambil bahagian dalam perbahasan Usul ini. Sebelum saya memberi ucapan saya di sini, saya meminta maaf kerana semalam saya sakit dan tidak boleh datang ke sini dan dengan dukacita tidak dapat peluang mendengar jawapan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Datuk Speaker, tahun lalu—tahun 1974 kita telah buat satu Usul Anggaran Pembangunan tahun 1974. Ini adalah satu *Development Budget* yang besar sekali. *Budget* itu berjumlah \$36,871,000. Tahun ini the *Development Budget* sudah naik lagi sampai \$37,665,000. Ini yang telah naik \$800,000 over that of last year.

Tuan Speaker, saya minta izin supaya bercakap dalam bahasa Inggeris dan campur dengan bahasa Malaysia. Saya pun berasa gembira kerana dapat lebih wang untuk pembangunan Negeri kita, tetapi saya berasa dukacita juga kerana wang itu bukan semua wang Negeri kita. Wang sebanyak \$22.185 million ialah wang pinjaman daripada Kerajaan Pusat. This amounts to 33% of our total Development Budget. And the only grants the Federal Government has given to our State for development

amount to \$4.226 million, which is only 11%. I think this is not a very satisfactory treatment that the Federal Government has given to our State because most of the money the Federal Government has given to the State is by way of loans, and not by way of grants.

Mr Speaker, Sir, kalau kita dapat jawapan bertulis daripada Yang Amat Berhormat dalam Dewan ini, kita akan dapat tahu that the State is indebted to the Federal Government to the extent of \$83.303 million; and also that the State is indebted to the Asian Development Bank to the extent of \$16.379 million. Semua sekali, *State Government* berhutang \$100 juta daripada Kerajaan Pusat dan Bank Pembangunan Asia. Mr Speaker, Sir, this is the figure that has been given in a written reply—that altogether the State Government owes the two bodies a sum amounting to \$100 million. And in the 1974 Development Estimates we have borrowed another \$23.561 million from the Federal Government for our development. And in addition, for the 1975 Estimates kita mahu pinjam lagi a sum amounting to \$22.185 million. And if we add all these up the whole amount will come up to nearly \$145 million at the end of next year. So how is the State going to pay interest on these loans, and make repayments on these loans? Mr Speaker, Sir, if the State's economy is booming, and will continue to boom in the years to come then we can foresee that we can get money through the income from all the projects the State Government is implementing to repay these loans. But now we have seen that there is a world economic recession. What happens if we keep on borrowing money from the Federal Government and the Asian Development Bank, and there comes a time when those factories from oversea pack up, close down and go home? How are we going to repay the loans? According to the written reply given to me there are so many factories here which have foreign capital.

**Tuan Speaker:** Tolong cakap Bahasa sedikit.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Bagi semua kilang di Bayan Lepas dan di Perai itu bukan orang dalam Negeri kita yang beri *capital* menjalankan kilang-kilang itu. Ada banyak sekali kilang-kilang ini from foreign countries like the U.S.A., Japan and many others. It is 100% foreign capital. If they do pack up and go home when there is a world-wide economic recession what is our State going to do?

Tuan Speaker, Sir, according to the 1975 Development Budget I have come to know that the loans we have raised from the Federal Government amounting to \$22 million are for two purposes only: One is for Rancangan Perumahan Murah amounting to \$2.844 million; and the other is for Carum dan Pinjaman to the P.D.C.—\$19.341 million. Sir, the P.D.C. has already received grants from the State Government amounting to \$6 million, according to the written reply given to us yesterday. And if we were to take into consideration last year's Budget which provided \$22.185 million as loan to the P.D.C., and this year's Budget which provides \$19,341 million for the P.D.C., then the P.D.C. is obtaining loans from the Government amounting to nearly \$50 million. This is a very big sum of money. And with such a big amount of money being entrusted to the P.D.C. it is necessary that the Government keep a close watch on how the P.D.C. is developing so as to safeguard public money.

From the Audit Report on the P.D.C. here we notice two items. One is that the P.D.C. has loaned to Syarikat Penang Electronics Sendirian Berhad—a private Company—\$998,908, plus an investment of \$630,000 as a private Company. Public funds amounting to \$1 million have been loaned to a private Company. Dewan ini tidak ada kuasa bertanya apa-apa yang Penang Electronics Company is doing. So if this is the principle of the P.D.C.—that it can lend money to any private Company in this State—what is going to happen to the P.D.C.? Where is the P.D.C. going to get the money? It is the principle. The Honourable the Chief Minister has always talked about

the principle. When he introduced a Bill to increase the allowances for Members for this Assembly, when he introduced a Bill to increase his own salary, and when he introduced a Bill to increase his entertainment allowance without a ceiling limit he said it was a principle—ini prinsip. Bolehkah prinsip-prinsip bagi *public fund*? Bolehkah pinjaman diberi kepada *private Company*—Sendirian Berhad? Ini satu yang saya mahu tanya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sekali lagi. Viking Askim (Malaysia) Sendirian Berhad ada pinjam dari P.D.C. \$627,264. That's according to the 1972 Report. *Company ini, kalau kita refer to Jawapan Bertulis, ialah satu Company dengan 100% foreign capital; and it is a private Company. What principle does the Honourable the Chief Minister refer to when he says they can loan public funds? I do not say 'State funds' because the Honourable the Chief Minister will argue with me and say that 'State funds' and 'public funds' are different. So, whether or not public funds can be loaned to a private Company with 100% foreign capital, or whether the public will agree that their money can be utilised in that way I don't know. Sir, these are two questions which I treat very seriously; and I would like the Honourable the Chief Minister to clarify this matter.*

Mr Speaker, Sir, we understand from the Audit Report that this private Company—Penang Electronics Sendirian Berhad—has a paid-up capital of \$630,000. And, according to this Audit Report, Penang Electronics Sendirian Berhad—has lost as at 31-12-72, \$744,354. It not only lost all the capital that was paid up, but it also lost the money that the P.D.C. has loaned to it. Is it a healthy state of affairs indeed for the State Government to deal with a private Company? And I must remind the House that Penang Electronics Sendirian Berhad has another partner called 'Intan Utara' which has a \$30,000 share in it, and that all the money was loaned without interest. I also want to bring to the attention of the House that two of the Directors of Intan Utara are Gerakan members in

able Member wishes to challenge it he may. And if he can't disprove my statement then he shouldn't try and bring up issues which do not exist and pertain in 1974. Mr Speaker, Sir, it is this type of viciousness which I hope the Dewan will eliminate. That is why I begged your indulgence to speak in English to explain fully to the Honourable Member from Bagan Jermal that we must move with the times. We must know how to participate in this particular situation.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** On a point of clarification, please.

**Ketua Menteri:** Mr Speaker, Sir, there are also other indications of this same kind of insinuation. We had hoped that this would never be brought up. For example, he looked at the Budget; and on Community Development he referred to \$200,000 being provided in 1974. And he was hoping that there was less. But suddenly he discovered that we actually provided for \$541,000 in 1975; and he was quite happy about that. But he was not entirely happy because he hoped that every cent will be spent. Mr Speaker, Sir, my reply is that every cent will be spent. And, in fact, if more needs to be spent the Government will spend when necessary.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Like the Indoor Stadium.

**Ketua Menteri:** Mr Speaker, Sir, the Honourable Member then brings up the question of the Indoor Stadium which has got nothing to do with us. Now, here is an example. He asked, 'Why is it that there is'—untuk Menambak Tanah di bawah Kepala 101 (39)—'under Land Reclamation only a \$10 Token Vote? Government not doing anything more?' That is how he jumps to conclusions. The real reason, of course, is that we have provided a \$10 Token Vote because Government may have to seek the assistance of the Federal Government with regard to further provisions for reclamation.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Good luck.

**Ketua Menteri:** However, Sir, with regard to land reclamation, the reason why this \$10 Token Vote is put in is because the work of reclamation has been taken over by the Penang Development Corporation. And under the provision for Land Reclamation Study there was provided \$300,000 for the Middle Bank, \$300,000 for Tanjong Tokong, and \$300,000 for Bayan Lepas, making a total of \$900,000. Now, putting \$10 at one point as a Token Vote, and transferring the Vote on to another town is very often an accounting situation. But the Honourable Member immediately jumps to the conclusion that this is something abandoned. Similarly, using that kind of idea, he tells us—I don't know—in the House that the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan has only provided a \$10 Token Vote. I have to take that for what it is worth because I really do not trust anything he says. But, supposing that it was a \$10 Token Vote, does it mean that the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan has abandoned the project? Mr Speaker, Sir, in my reply to him I stated that the State Government has not received any communication from the Lembaga in Pulau Pinang on this subject, . . . . . (*gangguan*).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** It is all in the Press.

**Ketua Menteri:** . . . . . and therefore the matter does not arise. But here the Honourable Member jumps from a wrong conclusion to another wrong conclusion, and tries to make a big hullabaloo, thumping the table, and showing how terrific he is in the Pekemas. Mr Speaker, Sir, this is a very exciting time. However, he did bring up one or two good things—Pejabat Haiwan: consideration for an abattoir. We certainly have to consider his claims against the claims of our friend from Sungei Acheh, about whether the siting of the abattoir and a market should be in Sungei Bakap or in Butterworth.

Mr Speaker, Sir, then he brings up the question of Kebajikan Masyarakat, Balai Rakyat and dollars. Mr Speaker, Sir, here again he jumps on a conclusion: 'Why only \$10? Government not doing anything more about Balai Rak-

yat?' Actually, what happened was that that provision of \$60,000 was originally meant for the Balai Rakyat at Rifle Range; and now this has been taken up by the Housing Section as part of the Rifle Range project. That is why the money is being spent by the Authority concerning complexes on housing. And for that purpose again the State Government has provided a \$10 Token Vote.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** What about a Balai Rakyat for Butterworth?

**Ketua Menteri:** *With regard to the schemes on projek-projek kumpulan kampung dan perkhidmatan masyarakat ini saya telah menjawab dan memberi keterangan. Dalam ucapan saya projek-projek yang kita ada menggunakan perbelanjaan sebanyak \$551,341 untuk Daerah Balik Pulau, Daerah Timur Laut, Daerah Butterworth, Daerah Bukit Mertajam dan Daerah Nibong Tebal. Semua kawasan-kawasan itu di dalam Negeri Pulau Pinang telah dipertimbangkan di dalam Anggaran yang kita ada.*

Mr Speaker, Sir, you see, it is this kind of unnecessary . . . . . (*gangguan*).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** I am asking for a Balai Rakyat for Butterworth. Can you answer to that?

**Ketua Menteri:** . . . . . political attitude.

Then he says, 'In Kelawei Road the Government chopped down trees'. Mr Speaker, Sir, last night I had asked Honourable Members, particularly in the Opposition, to be a little more careful whether it is the State Government, the Federal Government or the Local Government. Now, Kelawei Road happens to fall under the purview of the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** So it is kicking the football again.

**Ketua Menteri:** Mr Speaker, Sir, he then refers to an item on *pokok-pokok*, and jumps down to the Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, next to a 'longkau' or *longkang* (*ketawa*). Luckily

he didn't fall into it. And then he says that this is for the rich, whereas he is for the poor. Mr Speaker, Sir, this is quite interesting, because in actual fact the extension of Kelawei Road, as far as I understand it, is for the public, both rich and poor—for all those who need to use Kelawei Road. And because more and more people are using it the road has to be widened. And this is precisely what we are doing. In order to form a fair and just society we must work for the interest of *semua lapisan*.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** There are many people also using Bagan Luar Road. Why is there no improvement?

**Ketua Menteri:** Mr Speaker, Sir, the Honourable Member himself, when he was standing up, used to try to arouse my colleagues: 'Now, why won't you stand up to speak?' Mr Speaker, Sir, he has been given a chance to speak. Now why can't you sit down and take it.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** If you will sit down I will do it. I was prepared to give a chance to your colleagues. Why can't you give me a chance?

**Ketua Menteri:** Mr Speaker, Sir, when the Honourable Member from Bagan Jermal made his speech I sat down and listened very carefully to him. Now it is very necessary for the small man to grow a little bit bigger (*ketawa*) and sit down and listen to what I am telling him. Mr Speaker, Sir, never tell a lie. In actual fact, the project for Penang Hill was originally meant for a casino but because the licence which has been given by the Federal Government has been withdrawn, there is no casino project up the hill. Mr Speaker, Sir, the Honourable Member goes round talking about Penang Hill, tourism, why there is no railway, why people have to queue up and why is it necessary for us to have a road like the Genting Highlands Road where he went up to see people winning and losing. I was interested because he was more interested to see people lose first than to see people win. Mr Speaker, Sir, that was what he said: 'Happy

seeing people losing'; then he felt it was probably wrong and he added, 'and also winning'. (*ketawa*). I do not know whether he meant other people losing and he is winning.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Let's not comment on this . . . . (*gangguan*).

**Ketua Menteri:** After all that long time, what did he wind up with? He wound up with one political insinuation which he knows is very close to being very sensitive. He said that if the State Government were to build the road, it is because of the casino. Mr Speaker, Sir, I rebut that kind of statement because the licence for the casino, as far as State Government is concerned, has not been issued by the Federal Government and that is not the question again for the State Government to debate. Mr Speaker, Sir, that is why I do not know whether the Honourable Member is for us or against us. I just do not know what it is.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Because you twist so much that you don't know what you are twisting now.

**Ketua Menteri:** Mr Speaker, Sir, the Honourable Member also raised this question: Why is it that the P.D.C. can run the Free Trade Zone but not the F.T.A.? And he raised this question of eleven thousand more dollars being spent on the F.T.A.

Mr Speaker, Sir, the State Government has been quite genuine in supporting the proposal made by the then Minister of Finance that an area should be provided for a F.T.A., and in consequence the P.D.C. did spend this money to help this project along. However, Sir, in view of the fact that on further consideration and discussion it was in my reply that I indicated that until the Minister of Communications is satisfied that this is a viable and financially feasible project, the matter will still be discussed and will be considered by the Ministry of Communications. And that was the position and I am sure that if the Federal Government can loan us or advance us something like a hundred over million dol-

lars, we on our part, through the agency of the Penang Development Corporation, are quite prepared to wait for \$11,000 to be returned to us some time or other.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member referred to the Viking Askim Project, and what he read in the 1972 Auditor's Report was correct. The Viking Askim is a foreign company which started negotiations with the Penang Development Corporation to establish a factory in Malaysia in 1971. The Ministry of Trade and Industry was keen to promote a company which, in my speech I said, would use more and more local raw materials—in this case, rubber. And under the circumstances, the term which was given to Viking Askim was that they would have to pay for the land at the Prai Industrial Estate Free Trade Zone, a 20% initial payment at 90 cents per sq. ft., the balance of 80% was to be paid in 8 equal instalments over 8 years at an interest rate of 7½%. And to safe-guard the balance of the payment of 80%, the crude interest of the company was asked to be charged by way of land to the P.D.C. and which has been done, and therefore duly recorded by the Land Office and observed by the Auditor-General. Mr Speaker, Sir, that is a straightforward arrangement and that is what we mean by 'promotion'.

Mr Speaker, Sir, in promoting joint-ventures by foreign companies coming into Penang, I would like to indicate that many companies which show 100% foreign holding are really coming in here to co-operate fully with the State and Federal Governments. The Federal Government has established the Federal Investments Committee (F.I.C.) which will look into the participation of Malaysian interest in such ventures. And these foreign holdings would have come into export-orientated countries carrying with them a certain degree of venture risks. And during the period when they are established, they do not require public money, that is to say, they do not go to the public for shares. If they wish to go to the public for shares and be incorporated as such, they will have to go through the F.I.C. and then the capitalisation of these

companies will have to meet the requirements of the Federal Government whereby Malaysians will own more and more of the industries that are held here. However, during this period when they are starting their work, the development is taking place in this Free Trade Zone. Developers on foreign ventures are also careful and understanding that some of their schemes may be just too big for our own enterprises here and they would wait until they had actually established an operating profit situation before they offer their holdings to the public by way of market shares.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member asked whether the State had built any houses in the last 5 years.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** Low-cost.

**Ketua Menteri:** Low-cost. Mr Speaker, Sir, in my speech I dealt at great length over the need for the choice of the term 'low-cost', and I hope the Honourable Member will go back and through the help of his Master in Jalan Pantai go through the course of my speech to discuss what I discussed about the low-cost housing in general and re-settlement of squatters. But I believe that if you subtract 74 from 70 it is 4 and 4 is less than 5 and therefore if it is 4 years, it is less than 5 years.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** I think it is 5 years. I said, 'within 5 years'. Four years is within 5 years.

**Ketua Menteri:** In Noordin Street Ghaut there is a total number of 384 units of dwellings and 9 shops which were completed and delivered to the State in 1970.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member wanted to refer to something and he said he had forgotten his paper. I think he has forgotten himself. (*ketawa*).

Mr Speaker, Sir, in so taking the time of this House, saya sekali lagi meminta di dalam Dewan ini iaitu apabila kita membahaskan anggaran-anggaran yang kita ada hendaklah dengan satu semangat yang sungguh-sung-

guh bekerja dan berkhidmat untuk rakyat. Janganlah bawa di sini bau politik sebab kalau hendak bawa bau politik, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Jermal bolehlah bawa di sini. Saya ingat di sebelah sini, bukan sahaja saya sendiri, tetapi semua rakan saya, lebih pandai bercakap politik.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** *Rakyat can be the judge whether it is politics or whether it is facts and figures. But if you want to twist it, nobody can help you. I know you are very good in that.*

**Tuan Speaker:** Ahli Kawasan Bagan Jermal . . . . . (*gangguan*).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** He is waiting for me to speak here. He wants me to speak, so give me a chance.

**Ketua Menteri:** Tuan Yang Dipertua, saya haraplah bila membahaskan balik, Yang Berhormat dari Bagan Jermal jadi orang yang lebih tua. He should become a bigger man *tetapi nampak saya* once a small man always a small man. Itulah yang kasihan sekali.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (Encik Ong Yi How):** A man of twisting character is always a man of twisting.

*Soalan dikemukakan dan diperseutui.*

*Dewan ditangguhkan pada jam 1.02 tengahari.*

*Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.*

**(B). Usul oleh Yang Berhormat Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman:**

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan 'Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Encik Wong Choong Woh hendaklah dilantik semula sebagai wakil Dewan ini atas Jumaah Universiti Malaya di bawah Seksyen 13 (k) Perlembagaan dan Statut II (Siri Baru) Universiti Malaya bagi satu tempoh mulai hari ini sehingga 30hb April, 1975.'

Dewan ini, Yang Dipertua, diminta untuk melantik seorang wakil di dalam Jumaah Universiti Malaya mengikut Seksyen 13 (k) Perlembagaan dan Statut II Universiti tersebut.

Seksyen 13 (k) Perlembagaan Universiti Malaya berbunyi seperti berikut:

"13. Jumaah hendaklah terdiri daripada—

(k) wakil-wakil Badan Perundangan Persekutuan dan Negeri dan pihak berkuasa tempatan sebagaimana ditetapkan oleh Statut."

Statut II (Siri Baru), Yang Dipertua, berkenaan dengan seksyen yang tersebut di atas memperuntukkan seperti berikut:

"Jumaah hendaklah terdiri daripada—

(k) wakil-wakil Badan Perundangan Persekutuan dan Negeri dan pihak berkuasa tempatan yang terdiri daripada:

(iii) seorang wakil tiap-tiap Badan Perundangan Negeri yang dilantik oleh Badan Perundangan itu."

Datuk Speaker, di sini saya suka mengingatkan kepada Ahli-Ahli di Dewan ini bahawa Dewan Undangan Negeri dahulu pada mesyuaratnya yang diadakan pada 28hb April, 1971, telah melantik Yang Berhormat Encik Wong Choong Woh sebagai wakilnya di dalam Jumaah yang sama bagi tempoh selama 3 tahun mulai dari 1hb Januari, 1971 hingga 31hb Disember, 1973. Tempoh jawatan beliau kemudiannya telah dilanjutkan sehingga 30hb April, 1975 oleh pihak-pihak berkuasa Universiti mengikut Perlembagaan Universiti Malaya baru dan Statut II yang baru. Walaubagaimanapun, Seksyen 3 Statut II memperuntukkan bahawa "Seorang yang dipilih atau dilantik menjadi ahli Jumaah atas sifat wakil boleh terus menjadi ahli selama ia menjadi ahli badan darimana ia dipilih atau dilantik sahaja, dan jika ia berhenti menjadi ahli badan itu, maka ia akan berhenti menjadi ahli Jumaah. Dalam hal seperti ini akan berlaku satu kekosongan luarjangka."

Datuk Yang Dipertua, oleh yang demikian, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran telah menulis sepucuk surat kepada Kerajaan Negeri menarik perhatian Kerajaan Negeri bahawa Yang Berhormat Encik Wong Choong Woh telah berhenti menjadi ahli Jumaah itu dengan pembubaran Dewan pada 31hb Julai, 1974 dan meminta Dewan ini supaya melantik seorang wakil untuk mengisi kekosongan yang luarjangka itu bagi tempoh iaitu sehingga 30hb April, 1975.

Datuk Speaker, oleh hal yang demikian, saya suka mencadangkan 'Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Yang Berhormat Encik Wong Choong Woh hendaklah dilantik sebagai wakil Dewan ini atas Jumaah Universiti Malaya di bawah Seksyen 13 (k) Perlembagaan dan Statut II (Siri Baru) Universiti Malaya bagi satu tempoh mulai hari ini sehingga 30hb April, 1975.'

**Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr Choong Sim Poey):** Tuan Speaker, saya menyokong Usul itu.

**Tuan Speaker:** Dewan dibuka untuk dibahas.

*Soalan dikemukakan dan dipersetujui.*

**(C). Usul oleh Yang Berhormat Datuk Teh Ewe Lim:**

**Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim):** Datuk Speaker, saya mohon mencadangkan 'Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu Yang Berhormat Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman dilantik sebagai wakil Dewan ini atas Jumaah Universiti Kebangsaan di bawah Seksyen 13 (k) Perlembagaan dan Statut II Universiti tersebut bagi tempoh tiga tahun mulai dari hari ini.'

Datuk Speaker, sepucuk surat telah diterima daripada Setiausaha Majlis Universiti Kebangsaan, meminta Dewan ini melantik seorang wakil ke Jumaah Universiti Kebangsaan berkaitan dengan Seksyen 13 (k) Perlembagaan dan Statut II Universiti tersebut.

**Seksyen 13 (k) Perlembagaan Universiti Kebangsaan berbunyi seperti berikut—**

13. Jumaah hendaklah terdiri daripada—

(k) wakil-wakil Badan Perundangan Persekutuan dan Negeri dan pihak berkuasa tempatan sebagaimana ditetapkan oleh Statut."

Berkaitan dengan Seksyen tersebut di atas Statut II memperuntukkan seperti berikut:

"Jumaah hendaklah terdiri daripada—

(k) wakil-wakil Badan Perundangan Persekutuan dan Negeri dan pihak berkuasa tempatan yang terdiri daripada:

(iii) seorang wakil tiap-tiap Badan Perundangan Negeri yang dilantik oleh Badan Perundangan itu."

Setiausaha Majlis telah menerangkan bahawa tempoh perlantikan bagi wakil Dewan Undangan Negeri ialah tiga tahun mulai dari tarikh perlantikan oleh Dewan Undangan Negeri yang berkenaan.

Datuk Yang Dipertua, adalah dipertimbangkan bahawa Yang Berhormat Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman adalah sesuai dipilih untuk perlantikan ini. Oleh itu, saya mencadangkan—

'Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu Yang Berhormat Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman dilantik sebagai wakil Dewan ini atas Jumaah Universiti Kebangsaan di bawah Seksyen 13 (k) Perlembagaan dan Statut II Universiti tersebut bagi tempoh tiga tahun mulai dari hari ini.'

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh):** Datuk Yang Dipertua, saya menyokong Usul itu.

**Tuan Speaker:** Usul ini dibuka untuk dibahas.

*Soalan dikemukakan dan dipersetujui.*

**(D). Usul oleh Yang Berhormat Encik Ong Yi How.**

**Tuan Speaker:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah mendapat satu notis daripada Yang Berhormat Encik Ong Yi How yang mengatakan beliau mena-

rikbalik *Motion* ini. Oleh itu, Yang Berhormat sekalian, saya menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 35 yangmana Usul ini boleh ditarikbalik dengan kebenaran *Assembly*. Oleh itu, saya minta Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian kalau bersetuju Usul ini ditarikbalik katakan 'Ya'.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman):** Datuk Speaker, oleh sebab Usul ini tidak dicadangkan, mengikut Peraturan 35 cadangan Usul ini disifatkan ditarikbalik dan hendaklah dituliskan dalam Butir-Butir Persidangan, tidak payahlah meminta persetujuan ini.

**Tuan Speaker:** Baiklah. Terimakasih.

## PENANGGUHAN.

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim):** Saya mohon menyokong.

**Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak):** Yang Berhormat Datuk Speaker, saya ingin bercakap dalam Dewan ini berkenaan dengan sektor pembangunan. Saya ingin melaporkan di Dewan ini akan penderitaan rakyat di bandar dan juga di luar bandar terutamanya di bahagian pendalaman iaitu . . . . . (*Gangguan*).

**Tuan Speaker:** Ahli Yang Berhormat, saya beri ingat iaitu mengikut surat daripada Yang Berhormat iaitu Nombor 1, pelan untuk rumah baru yang hendak dibuat dua atau tiga tahun belum lagi mendapat keputusan.

**Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak):** . . . . . berhubung dengan kebenaran pelan mendirikan rumah. Kebenaran pelan mendirikan rumah ini nampaknya memakan masa daripada 6 bulan hingga ke setahun. Dengan keadaan yang begini pembuat-pembuat rumah sangat menderita kerana dengan keadaan memakan masa yang begitu lama, harga-harga barang rumah itu mungkin me-

lambung tinggi dan juga kalau sekiranya rumah itu mula dicadangkan \$2,000 sekarang sudah menjadi \$4,000. Dengan keadaan begini juga, tukang-tukang atau kontraktor-kontraktor itu akan lari dan rumah-rumah itu tidak akan sudah. Dengan keadaan yang begini sungutan rakyat adalah tidak menyenangkan hati kita dan tidaklah patut saya memperdengarkan di dalam Dewan ini.

Selain daripada itu juga, berkenaan dengan membaiki rumah—bersambung dengan pelan tadi—keizinan untuk kelulusan membaiki rumah ini memakan masa dua atau tiga bulan. Dengan keadaan ini juga menjadi sungutan rakyat iaitu kalau sekiranya rumah itu condong mungkin rumah itu akan roboh. Dan juga tentang membaiki atap rumah itu yang akan didiami oleh mereka itu dalam keadaan siang panas dan malam berembun. Juga, kalau membaiki dapur-dapur rumah mereka, dapur-dapurnya tidak boleh dimasak. Keadaan ini juga menjadi sungutan rakyat.

Selain dari itu, berkenaan dengan pelan ini juga, iaitu tentang meminda rumah, kalau sekiranya ada rakyat yang ingin menukarkan atap rumahnya daripada atap nipah kepada atap Zinc atau daripada dapur biasa hendak dibuat dapur di bawah, ini juga berkehendakkan satu pelan berasingan. Macamana kita kata tadi kalau sekiranya meminta kebenaran pelan suggest memakan masa tiga atau empat bulan, ini juga satu penderitaan rakyat. Jadi, saya berharap dengan keadaan yang begini patutlah Kerajaan dapat mengarahkan pihak-pihak berkuasa untuk mengadakan pelan-pelan rumah yang murah supaya dengan pelan-pelan yang murah masa untuk meluluskan pelan-pelan itu dapat dipercepatkan. Dengan keadaan begini rumah-rumah akan dapat didirikan oleh penghuni-penghuni rumah itu. Juga, dengan keadaan begini tanggungan Kerajaan kita untuk menempatkan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar tidaklah begitu rumit kerana mereka dapat mendirikan rumah dengan cepat dan mudah. Pelan-pelan yang saya kata tadi ialah pelan Nombor 1, 2 dan 3 yang sangat murah

sepertimana yang dibuat oleh J.K.R. pada masa yang lalu. Juga, saya berharap, kalau boleh, untuk mendirikan rumah kecil dalam kampung dan desa patutlah pelan itu dihapuskan kerana dengan keadaan begitu barangkali rumah-rumah haram tidaklah akan muncul seperti yang ada sekarang. Sekian.

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya ucapkan terimakasih kepada saudara saya, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Ajam. Perkara-perkara untuk meluluskan pelan-pelan perumahan sesungguhnya satu perkara yang akan dikemukakan kepada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan, dan saya sendiri mendapat tahu bahawa ada pelan-pelan yang lambat sedikit. Tetapi baru-baru ini kita telah menubuhkan satu Lembaga mengandungi lebih-kurang 24 orang ahli supaya kerja-kerja untuk meluluskan pelan-pelan seperti ini bolehlah cepat sedikit. Tetapi dalam kawasan Bagan Ajam, ada pelan-pelan yang barangkali ditahankan oleh sebab lain-lain fasal seperti fasal *sub-division* atau fasal pecah tanah, atau fasal pelan-pelan rumah di dalam kampung mestilah mendapat kebenaran daripada tuan tanah dan lain-lain. Lagipun saya mendapat tahu ada pelan-pelan yang lambat di kawasan itu oleh sebab jalanraya yang bernama Route Utama, Utara dan Selatan Federal Route One—menjadikan satu kegagalan untuk membuat pelan-pelan di sini. Pelan-pelan kecil yang diperuntukkan bagi memperbaiki rumah-rumah itu, saya berharaplah Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan boleh mengambil perhatian, dan apa Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam telah membangkitkan, Kerajaan bolehlah merujuk kepada Lembaga itu.

**Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrahim bin Abdul Razak):** Terimakasih.

**Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh):** Datuk Yang Dipertua, saya suka juga mengambil bahagian dalam ucapan penangguhan ini dengan mendatangkan dua perkara yang ada hubungan dalam kawasan pilihanraya saya sendiri iaitu meminta pihak Kerajaan Negeri Pulau

Pinang mengkaji di atas kemungkinan untuk mengadakan satu jambatan menghubungi Permatang Bendahari dengan Kota Kuala Muda, yang panjangnya, pada anggaran saya ialah lebih-kurang 1,300 kaki.

Tuan Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dari Permatang Bendahari ke Kota Kuala Muda, Kedah, memanglah menjadi masaalah sudah beberapa tahun, boleh dikatakan ber-puluh-puluh tahun dari dahulu lagi penduduk-penduduk di situ menggunakan sampan untuk menyeberangi di antara Permatang Bendahari dengan Kota Kuala Muda.

Di samping itu, Datuk Yang Dipertua, sama-sama kita faham bahawa pada hari ini, Pantai Merdeka yang bolehlah dikatakan memang masyhur dengan namanya sebagai tempat peranganin, bukan sahaja bagi penduduk-penduduk di Pulau Pinang, bahkan bagi seluruh penduduk-penduduk di Utara Malaysia Barat ini. Boleh dikatakan bahawa banyak di antara orang-orang yang menggunakan jalan yang lebih dekat, sekiranya jambatan diadakan di antara Permatang Bendahari dengan Kota Kuala Muda.

Perkara yang kedua, Datuk Yang Dipertua, saya suka menarik perhatian di dalam ucapan penangguhan ini juga iaitu di dalam kawasan pilihanraya saya di satu tempat yang bernama Kampong Telok Maknan di Permatang Bendahari ada lebih-kurang 100 ekar tanah tidak dapat diusahakan, pada hari ini, untuk ditanam dengan tanam-tanaman seperti padi dan sebagainya oleh sebab kawasan ini kerap kali dilanda oleh air masin yang mana tanah-tanah itu tidak dapat diusahakan.

Oleh itu, saya memohon Datuk Yang Dipertua, kalau dapat pihak Kerajaan mengkaji tanah-tanah yang terbiar ini untuk dijadikan tempat-tempat perusahan tanam-tanaman samada padi atau lain-lain tanaman yang menasabah yang boleh dijalankan oleh penduduk-penduduk di situ. Dalam masa-alah ini, Datuk Yang Dipertua, sama-sama kita faham bahawa dalam masa-alah Negeri Pulau Pinang juga boleh dikatakan kita mempunyai kesulitan

dalam masaalah tanah untuk dijadikan tempat tanam-tanaman. Untuk perhatian Dewan ini lagi, adalah tempat ini memang suatu tempat yang selalu di-banjiri air masin hinggakan pokok-pokok kelapa, kalau ditanampun, susah hendak hidup. Jadi inilah saya kemukakan untuk mendapat perhatian dikaji dan dibuat satu rancangan untuk menyelamatkan tanah-tanah yang saya sebutkan tadi. Sekian sahaja, Datuk Yang Dipertua, terimakasih.

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan terimakasih kepada saudara Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Penaga kerana membangkitkan kedua-dua perkara. Perkara pertama ialah mengenai pembinaan sebuah jambatan yang dekat dengan Sungai Muda di antara Permatang Bendahari dengan Kota Kuala Muda. Kelmarin, bila dibahas Anggaran Perbekalan saya telah tidak mempunyai rancangan-rancangan yang mesti diasas dengan terlebih dahulu. Sebab ini adalah satu rancangan yang kita bersimpati penuh terhadap penduduk-penduduk tempat itu. Tetapi penduduk-penduduk di sana cuma 300 orang sahaja apabila Kerajaan mengkaji perkara ini. Jikalau kita hendak membina satu jambatan di sana yang lebih-kurang 1,300 kaki, harga jambatan itu lebih-kurang \$4 juta lebih. Ini adalah susah, sebab bukan kita tidak mahu mengambil perhatian di atas kesusahan penduduk-penduduk dekat Permatang Bendahari dan Kota Kuala Muda tetapi disebabkan *priority* yang kita mesti adakan. Saya haraplah ini satu perkara yang kita pertimbangkan dengan baik sekali.

Perkara yang kedua ialah tanah di Telok Maknan dekat Permatang Bendahari. Saya ingin memberitahu Dewan bahawa kawasan yang berkenaan, di Tok Manan terletak di antara Sungai Muda dengan ban Sungai Muda yang mana telah dibina untuk melindungi tanah-tanah sawah pendalamannya dari air banjir yang turun dari Sungai Muda semasa banjir. Oleh kerana hendak melindungi kawasan ini dari ditenggelami, maka mustahaklah dibina sebatang ban sungai di sepanjang tebing kiri Sungai Muda dengan kedua-

dua hujungnya disambungkan kepada ban Sungai Muda. Tempat ini bila masa banjir, saya sendiripun telah pergi ke tempat itu dan selalu merayu kepada penduduk-penduduk di situ supaya jangan tinggal di tempat yang merbahaya semasa banjir tetapi oleh kerana Negeri Pulau Pinang ialah sebuah Negeri yang tidak mempunyai banyak tanah dan penduduk-penduduk di luar bandar sungguh-sungguh mempunyai semangat dan hati hendak bekerja dengan tanah dan kita mestilah mengambil perhatian dan pertimbangan yang berat untuk masaalah-masaalah yang berbangkit. Tetapi apa yang Kerajaan terdapat lapuran daripada Jabatan Parit dan Talian ialah jikalau kita membina sebuah ban sungai ini, ini tidak adalah beberapa masaalah yang timbul kerana ianya akan menyempitkan aliran air dalam masa banjir. Apabila sungai itu melimpah, tebingnya masuk ke dalam dataran banjir. Sebab itu, jikalau kita buat sebuah ban yang baru mengikut ini dan kawasan yang berkenaan boleh jadi banjir dan demikian membanjiri sawah-sawah padi di pendalamannya lebih jauh lagi. Tetapi perkara ini saya ingat satu perkara yang susah sekali dan kita boleh lagi bawa dan lapur dan siasat sekali lagi boleh atau tidak boleh kita membuat sebuah ban baru untuk tapak ini.

Pada masa sekarangpun, kita ada satu perkara lagi yang Kerajaan Negeri kita sedang berunding dengan Kerajaan Negeri Kedah untuk perkara-perkara yang berbangkit berkenaan dengan Sungai Muda, dan saya haraplah perkara ini Kerajaan boleh ambil perhatian yang berat.

**Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad):** Datuk Speaker, saya ingin berucap dalam ucapan penangguhan ini dan saya menarik perhatian Tuan Speaker iaitu kelmarin telahpun saya timbulkan perkara-perkara ini:

- (a) Bahagian memperbaiki jalanraya telahpun saya cakapkan kelmarin dan dapat jawapan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, jadi saya tidak payah cakapkan sekali lagi.

(b) Iaitu membina masjid-masjid dan juga surau-surau. Jadi, saya mendapat banyak sungutan daripada pengundi-pengundi bagi kawasan saya, Tasek Glugor, yang kebanyakannya menyebut atau menyuarakan bahawa sebuah masjid telahpun diperuntukkan di Kampung Tok Bidor. Jadi semua pengundi daripada kawasan itu telah mendapat tahu yang, kononnya, Kerajaan akan membina masjid itu pada tahun 1975. Jadi saya harap perkhabaran yang telahpun pengundi-pengundi dan orangramai kawasan itu dengar haruslah pihak Kerajaan menaikannya. Dan yang keduanya, mengenai sebuah masjid di Lahar Tembon, Tasek Glugor, saya merayu kepada Kerajaan supaya memberi peruntukan pembinaannya. Ada lagi dua buah surau, sebuah di Kampung Besar dekat dengan Tasek Glugor, dan juga sebuah surau di Kampung Lahar Tiang di kawasan Pinang Tunggal.

(c) Bekalan letrik dan air minuman; Kampung-kampung yang saya akan sebutkan ini adalah sangat-sangat berharap kepada Kerajaan supaya penyambungan letrik dan bekalan air minum ini hendaklah Kerajaan tunaikan kepada mereka. Kampung-kampung yang berkehendakkan ini ialah Kampung Permatang Langsat, Lahar Tiang, Pokok Jenerih, Kampung Tok Bidor, Ekor Kuching dan banyak lagi kampung-kampung yang berhampiran dengan kawasan itu.

Kemudian Datuk Speaker, peruntukan perbelanjaan pertandingan membaca Al-Quran. Dalam masaalah ini Datuk, saya dengar sangat sungutan-sungutan, terutama sekali, dari kalangan orang-orang Islam, yang mengatakan bahawa pertandingan membaca Al-Quran yang telah dianjurkan oleh Kerajaan sejak beberapa lama dahulu, bagi peringkat kawasan dan daerah. Ramai orang bersungut bahawa k a d a n g k a l a, dan mungkin tiap-tiap tahun, pihak

Jawatankuasa bagi peringkat daerah dan juga kawasan selalu memungut derma daripada orangramai. Jadi, orangramai menyebut bahawa pungutan derma yang dilancarkan oleh Jawatankuasa ini adalah di bawah satu anjuran Kerajaan tetapi mereka kena bayar, kena derma, dan oleh kerana inilah mereka bersungut bahawa peruntukan patutlah dibesarkan lagi pada masa yang akan datang oleh Kerajaan.

Kemudian beralih pula, Datuk Speaker, kepada peruntukan kepada Persatuan-persatuan Belia. Saya sendiri telah mendapat rayuan daripada banyak persatuan-persatuan belia yang bergabung dalam M.A.Y.C. dan juga 4-B, yang berkehendakkan supaya Kerajaan Negeri memberikan satu peruntukan yang agak besar juga untuk persatuan-persatuan belia ini menjalankan sebarang kegiatannya demi faedah dan juga disiplin kepada persatuan-persatuan belia tersebut.

Kemudian, Datuk, saya ingin menyentuh juga mengenai projek-projek Pertanian. Di kawasan saya masih jauh ketinggalan dengan projek-projek pertanian ini, yangmana sungutan-sungutan telah saya terima daripada orangramai. Jadi, saya tidak mahu sebutkan di sini, tetapi saya rasa kena sebut juga, kerana ini demi kebaikan Kerajaan kita, iaitu dalam masa lima tahun yang lalu, wakil rakyat bagi kawasan Tasek Glugor itu adalah terdiri bukan daripada kalangan Kerajaan. Jadi, semua projek-projek yang berhubung dengan rancangan ini nampaknya terbatal dengan sendirinya. Kata mereka, dan besarlah harapan penduduk-penduduk kawasan ini, kesemua projek-projek yang berhubung dengan pertanian ini patut Kerajaan ambil berat dalam masa lima tahun yang akan datang.

Dan saya suka sambung juga, Datuk Speaker, berhubung dengan pembinaan dewan orangramai atau Balai Raya. Di kawasan Tasek Glugor sendiri—berkehendakkan sebuah Dewan orangramai yang agak besar juga untuk kesemua lapisan penduduk di situ mengadakan mesyuarat-mesyuarat dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan masyarakat umum di kawasan itu. Dan

saya berharap kepada pihak Kerajaan untuk membina beberapa buah balai kecil bagi kampung-kampung yang jauh di pedalaman kawasan Tasek Glugor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, perkara lagi yang saya ingin menyampaikannya dalam Dewan ini ialah berhubungan dengan pembinaan sebuah sekolah agama di Pokok Tampang. Saya telah mendapat tahu yang Kerajaan Negeri telah memperuntukkan wang sebanyak \$10,000 untuk pembinaan sekolah agama bertempat di Kampong Pokok Tampang itu. Dan saya merayu kepada Kerajaan terutama sekali, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri supaya peruntukan sebanyak \$10,000 itu patutlah ditambah lagi kerana penduduk-penduduk di kawasan itu adalah ramai dan pelajar-pelajar di sekolah ini adalah hampir 200 orang lebih. Orang-ramai atau penduduk-penduduk di kawasan ini berkehendakkan lebih kurang enam buah bilik darjah bagi sekolah ini. Jadi orangramai menyebut kalaulah \$10,000 mungkin tidak mencukupi dan \$10,000 ini hanya mencukupi untuk membina sebuah rumah sahaja.

Yang Berhormat Datuk Speaker, satu lagi perkara yang saya ingin tumbulkan di sini ialah mengenai cukai rumah. Cukai rumah ini adalah menjadi percakapan yang heboh di kawasan luar bandar yangmana rumah-rumah yang cukainya bernilai \$5 ke bawah pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan tidak menerima cukai. Jadi apa yang orangramai sebut dan perlu saya beritahu kepada Dewan ini ialah supaya pihak Kerajaan atau pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan bagi daerah Seberang Perai menerima dahulu semua bayaran yang di bawah \$5 ini. Lepas itu, barulah pengkajian dijalankan dan bebanan kepada orangramai itu tidaklah kita kenakan kepada mereka. Misalnya, Tuan Speaker, kalaulah sebuah rumah yang cukainya \$5 ke bawah tidak diterima oleh Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dan akan dikaji kedudukan cukai rumah itu sebelum cukai itu diambil, orangramai sangat-sangat berasa bimbang bahawa kalaulah cukai yang pertama itu tidak diambil dan pengkajian akan dibuat atas

rumah itu, dan lepas itu barulah dikenakan cukai, mungkin pengkajian itu memakan masa dan cukai tahun yang kedua dan tunggakan tahun yang kebelakangan. Jadi, orangramai berasa ini sangatlah susah bagi penduduk-penduduk, terutama sekali di kawasan luar bandar. Jadi saya berharaplah kepada pihak Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri supaya penerimaan atas cukai rumah itu, bagi masa ini, patutlah diterima dahulu dan selepas itu barulah dibuat pengkajian semula.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sekianlah dahulu saya menamatkan. Terimakasih.

**Ketua Menteri:** Datuk Yang Dipertua, saya ucapkan terimakasih kepada Yang Berhormat Ahli daripada Tasek Glugor di atas beberapa perkara yang beliau telah bangkitkan. Tetapi perkara-perkara ini adalah sungguhnya satu perkara di bawah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan.

Kalau saya mengambil perkara mesjid di Kampong Tok Bidor, Kerajaan belum ada lagi peruntukan untuk membina sebuah mesjid di kampung itu. Tetapi saya suka maklumkan bahawa sebuah mesjid yang dianggarkan berharga \$30,000 termasuk dalam senarai 27 projek agama yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dan dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk mendapat kelulusan, termasuk cadangan untuk membina sebuah mesjid lagi yang berharga kira-kira \$50,000 di Kampong Telaga Tambun. Tetapi perkara ini saya ingat bolehlah diterima dan Kerajaan bolehlah berunding dengan Pejabat Perdana Menteri. Berkenaan dengan rayuan untuk surau-surau, Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian.

Perkara bersangkutan dengan pertandingan membaca Quran ini kita terima dan saya ingat Majlis Ugama tidak berapa lama lagi bolehlah memberi satu keputusan di sini. Kerajaan Negeri boleh memberi sokongan yang kuat kepada pertandingan ini yangmana, nampak kita, dalam beberapa

tahun ini rakyat kita telah dapat ber-setuju dengan rancangan-rancangan yang kita adakan yangmana Kerajaan Negeri boleh jalankan.

Sekolah ugama ini pun satu perkara yang sungguh bersangkutan dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam tetapi ini satu perkara yang Kerajaan Negeri boleh pertimbangkan di masa sekarang. Tidaklah ada apa-apa cadangan yang dibangkitkan untuk satu sekolah ugama di Tasek Glugor atau di Kampung Pokok Tampang.

Dan berbalik kepada bekalan letrik dan air, ini ialah satu perkara di bawah L.L.N.; dan Kerajaan Negeri telahpun menyampaikan kepada Pihak Berkuasa Air Negeri mengenai keperluan-keperluan bekalan air untuk kampung-kampung yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat. Mengenai bekalan letrik pula, peruntukan memang telah diadakan bagi mendapatkan letrik di perkampungan Lahar Tiang, Tok Bidor dan Ekor Kuching pada tahun 1974 ini juga. Tetapi, oleh sebab masalah teknikal, maka projek ini telahpun tergendala sedikit. Peruntukan telahpun diadakan supaya bekalan letrik diadakan di Kampung Permatang Langsat dan Kampung Pokok Cenderoh pada tahun ini dan saya harapkan L.L.N. boleh pada tahun ini, siapkan bekalan letrik kepada semua kampung yang belum mendapatnya.

Berkenaan dengan perkara pergerakan Belia, Kerajaan Negeri daripada dahulu menyatakan bahawa pergerakan belia di Negeri Pulau Pinang haruslah disatukan untuk memudahkan Kerajaan memberi bantuan, sekarang kita ada satu Persatuan Belia di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan sedar akan peranan belia dalam pembangunan masyarakat dan setakat yang boleh akan memberi bantuan yang diperlukan tetapi diluluskan oleh Persatuan Belia yang ada dalam Negeri Pulau Pinang sekarang.

Menyentuh soalan parit dan taliair di sawah-sawah padi di Kampung Baru, Kerajaan Negeri akan menyiasat masalah yang telah dihadapi di situ dan untuk bantuan. Adalah diharapkan Ahli Yang Berhormat dapat menghubungi terus Jabatan Parit dan Taliair

dan memberi butir-butir yang lanjut. Di sini saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah bekerja rapat, bukan sahaja dengan Kerajaan tetapi terus dengan pejabat-pejabat yang berkenaan dan jika ada perkara-perkara semacam ini bolehlah kita selesaikan dengan cepat sekali.

Mengenai Balai Rakyat, Kerajaan Negeri telahpun mencadangkan kepada Kerajaan Pusat supaya sebuah dewan orangramai yang dianggarkan berharga \$40,000 diluluskan untuk tahun depan di pekan Tasek Glugor. Selain daripada itu, cadangan-cadangan juga telah dibuat untuk membina atau membaiki Balai Rakyat di kawasan-kawasan lain. Jadi, di sini saya harapkan Ahli-Ahli Yang Berhormat boleh timbangkan dan kita sendiri mestilah ambil satu keputusan ada gunakah kita sebuah Balai Rakyat yang besar atau Balai Rakyat yang kecil di tempat-tempat tersebut. Inilah yang kita mesti pertimbangkan sebab harga *maintenance* di balai-balai kecil adalah satu masalah yang kita mesti jaga dengan baik tetapi kalau kita ada sebuah Balai Rakyat yang besar, tetapi itu tidak masuk dalam satu tempat yang sesuai dan rakyat yang duduk di sana tidak selalu berhubung dengan tempat itu, jadi balai itu pun tidak guna. Saya harapkan ini satu perkara yang kita selalu mestilah bekerja dan mempunyai hubungan rapat dan sebab inilah Kerajaan Negeri meminta, bukan sahaja Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Tasek Glugor, tetapi lain-lain Ahli kita mestilah rundingkan perkara ini dan ambil keputusan yang sungguh sesuai dengan rakyat kita.

Mengenai cukai rumah, inilah satu perkara di bawah kuasa Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan dan apa Yang Berhormat Ahli daripada Kawasan Tasek Glugor bangkitkan kita akan merujuk kepada Pengerusi Lembaga itu untuk perhatian Lembaga itu.

**Tuan Speaker:** Oleh sebab Yang Berhormat Encik Ng Swee Ching tidak hadir, disifatkan ucapan penanganungannya dibatalkan.

*Dewan ditangguhkan pada jam 3.23 petang.*